

‘Usah remehkan bekalan makanan S’pura yang mudah terjejas akibat geopolitik’

MAKANAN dan warga Singapura tidak boleh dipisahkan, malah kepelbagaian juadah yang boleh didapati di Singapura mungkin menjadi salah satu kebanggaan kita.

Namun, kesedaran bahawa bekalan makanan di Singapura mudah terjejas akibat pergolakan dunia perlu dipertingkatkan, kerana ramai di kalangan warga yang masih mengambil remeh perkara tersebut.

Untuk memastikan Singapura bersedia menghadapi sebarang ancaman krisis makanan, kesedaran itu perlu dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat, menurut Profesor Madya, Siti Noorbaiyah Abdul Malek dari Kelompok Makanan, Kimia dan Bioteknologi dari Institut Teknologi Singapura (SIT).

Krisis makanan merupakan antara ancaman paling ketara bagi kebanyakan negara kini dan Singapura tidak terkecuali.

Malah, kesannya sudah dirasakan dan dijangka akan lebih meruncing.

Ini terutama sekali memandangkan lebih 90 peratus bekalan makanan bagi Singapura diimport dari sekitar 170 negara dan rantau, kata Profesor Siti Noorbaiyah.

Kebergantungan Singapura terhadap bekalan import makanan ini membuatkan

bekalan makanan kita lebih terdedah kepada kuasa luar, tambah.

Ini jelas kelihatan apabila isu bekalan makanan yang semakin mendesak itu telah menjadi perhatian negara ini menyusuli larangan eksport ayam oleh negara jiran Malaysia yang mana Singapura mengimport 34 peratus ayamnya.

“Kesedaran ini perlu dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat. Mereka perlu sedar, meskipun Singapura mungkin mempunyai sumber untuk membeli makanan dari negara lain, tak semestinya negara lain ingin menjual makanan kepada kita.”

“Justeru setiap warga perlu sedar setiap makanan yang dibawa masuk ke Singapura ini cukup berharga, ini tidak boleh diambil remeh,” katanya.

Beliau menambah sejauh ini, Singapura telah memperkenalkan pelbagai usaha bagi memastikan bekalan secukupnya, ini termasuk mempelbagaikan sumber dan menetapkan matlamat ‘30 menjelang 30’ – iaitu memenuhi 30 peratus keperluan pemakanannya dengan pengeluaran setempat menjelang 2030.

Pada masa yang sama, anggota masyarakat perlu sedar bahawa mereka juga perlu memainkan peranan dalam memastikan memelihara



bekalan makanan Singapura, kata Profesor Siti Noorbaiyah.

Salah satu langkah yang perlu dijadikan kebiasaan dalam diri setiap warga adalah untuk mengelak daripada pembaziran makan, katanya.

“Kita perlu memikirkan cara terbaik untuk memastikan tiada pembaziran yang berlaku.”

“Antaranya dengan memastikan kita membeli cukup-cukup apa yang kita perlukan, dan mengubah ‘mindset’ dan bukan membeli makanan hanya untuk simpan, tanpa perancangan yang sebetulnya,” ujarnya.

Menurut beliau kajian mendapati bahawa pembaziran makanan sering berlaku di kalangan individu yang berusia antara 40 dengan 60 tahun.

Mengulas lanjut, Profesor Siti Noorbaiyah berkata, ini mungkin berpunca daripada kebiasaan menyimpan makanan oleh generasi tersebut yang membesar dalam keadaan kekurangan makanan.

“Generasi ini mungkin membesar dalam keadaan makanan yang kurang, jadi mereka sedar tentang pembaziran ini tetapi dah jadi kebiasaan bagi mereka untuk membeli makanan banyak-banyak dan simpan.”

“Tapi bagi generasi yang lebih muda sekarang, kesedaran mereka tentang pembaziran ini lebih tinggi kerana mereka membesar dalam keadaan makanan yang cukup.”

“Mereka juga lebih terdedah kepada kempen-kempen media sosial yang menyentuh tentang pembaziran makanan.”

ELAK PEMBAZIRAN:

Menurut Prof Siti Noorbaiyah kajian mendapati bahawa pembaziran makanan sering berlaku di kalangan individu yang berusia antara 40 dengan 60 tahun.